



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**PENJADUALAN SEMULA KALI KEDUA TAKWIM PEPERIKSAAN KENDALIAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2020**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat penjadualan semula kali kedua takwim peperiksaan kendalian KPM bagi tahun 2020 berdasarkan Pindaan Takwim Penggal Persekolahan Tahun 2020.

Penjadualan semula kali pertama peperiksaan bawah kendalian KPM telah diumumkan pada 28 Mac 2020 berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Mengambil kira pelanjutan PKP dan perkembangan semasa penularan wabak COVID-19, Menteri Kanan Pendidikan pada 15 April 2020 telah mengumumkan bahawa tarikh peperiksaan awam akan ditunda kepada suku pertama tahun 2021. Ini bagi membolehkan murid mempunyai tempoh pembelajaran yang mencukupi dan dapat membuat persediaan rapi untuk menduduki peperiksaan.

Oleh kerana peperiksaan SPM tahun 2020 dijadualkan bermula pada minggu pertama tahun 2021, KPM telah mengambil kira keperluan untuk mengatur semula pelbagai aspek logistik bagi tujuan peperiksaan tersebut. Ini termasuklah memperincikan tarikh permulaan sesi persekolahan bagi tahun 2021 yang akan dimaklumkan kelak. Penyusunan semula permulaan sesi ini penting bagi memastikan agar sesi persekolahan pada tahun hadapan berjalan lancar.

Berikut adalah takwim peperiksaan bagi tahun 2020 yang telah dijadualkan semula:

Bil.	Peperiksaan	Tarikh Pindaan Kali Pertama	Tarikh Pindaan Kali Kedua
1	Sijil Pelajaran Malaysia Ulangan (SPMU) <ul style="list-style-type: none"> • Ujian Bertulis • Ujian Lisan 	23 - 25 Jun 2020 2 - 30 Jun 2020	17 - 19 Ogos 2020 17 Ogos - 30 Sep. 2020
2	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) <ul style="list-style-type: none"> • Ujian Lisan Khusus Calon Persendirian (ULKCP) • Kerja Kursus • Ujian Bertulis 	3 - 30 Jun 2020 April - Okt. 2020 16 Nov. - 7 Dis. 2020	17 Ogos - 31 Okt. 2020 Julai - Dis. 2020 6 Jan. - 9 Feb. 2021
3	Ujian Pencapaian Bahasa Antarabangsa (UPBA)	22 Jun 2020	4 Feb. 2021
4	Mata Pelajaran Aliran Kemahiran (MPAK)	5 Okt. 2020	18 Nov. 2020
5	Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Sesi 1 <ul style="list-style-type: none"> • Semester 3 • Semester 1 Sesi 2 <ul style="list-style-type: none"> • Semester 4 • Semester 2 	13 - 24 Mei 2020 13 - 24 Mei 2020 21 Okt. - 8 Nov. 2020 14 - 30 Okt. 2020	3 - 14 Ogos 2020 28 Sep. - 9 Okt. 2020 18 - 29 Jan. 2021 17 - 28 Mei 2021

Bil.	Peperiksaan	Tarikh Pindaan Kali Pertama	Tarikh Pindaan Kali Kedua
6	Sijil Vokasional Malaysia (SVM) Bahasa Melayu 1104 <ul style="list-style-type: none">• Ujian Lisan• Ujian Bertulis Sejarah 1251	19 - 30 Okt. 2020 16 Nov. 2020 25 Nov. 2020	16 Nov. 2020 - 16 Jan. 2021 6 Jan. 2021 7 Jan. 2021
7	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) <ul style="list-style-type: none">• Kerja Kursus• Ujian Lisan• Ujian Bertulis	1 Mac - 30 Jun. 2020 13 - 26 Jul. 2020 21 - 22 dan 26 - 28 Okt. 2020	15 Jul. - 15 Nov. 2020 16 - 30 Nov. 2020 17 - 18 dan 22 - 25 Feb. 2021
8	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) (Kohort 2020) <ul style="list-style-type: none">• Semester 2• Semester 3	18, 19, 23 dan 24 Nov. 2020 3 - 5, 9 dan 10 Nov. 2020	12, 13, 17 dan 18 Ogos 2020 1 - 3, 8 dan 9 Mac 2021

Bil.	Peperiksaan	Tarikh Pindaan Kali Pertama	Tarikh Pindaan Kali Kedua
	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="256 226 475 264">• Ulangan 1 <li data-bbox="256 421 475 459">• Ulangan 2 <p data-bbox="212 546 644 712">Peperiksaan Semester 1 STPM 2021 (Kohort 2021)</p>	<p data-bbox="703 226 1034 322">25, 26, 30 Nov. dan 1 Dis 2020</p> <p data-bbox="724 416 1013 454">15 - 18 Mac 2021</p> <p data-bbox="703 546 1034 642">25, 26, 30 Nov. dan 1 Dis 2020</p>	<p data-bbox="1126 226 1433 264">22 - 25 Feb. 2021</p> <p data-bbox="1134 416 1425 454">15 - 18 Mac 2021</p> <p data-bbox="1126 546 1433 584">22 - 25 Feb. 2021</p>

Untuk makluman, Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Alternatif Sekolah Rendah (PASR) dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) (kecuali bagi komponen Hifz Al-Quran – Tasmi’ dan Tahriri) pada tahun 2020 adalah dibatalkan selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kanan Pendidikan pada 15 April 2020.

-TAMAT -

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

28 JUN 2020